

# UMP semarak semangat patriotisme

PH (Timur)  
Sc/11 3/9/12  
MINY

**Kuantan:** Lebih 200 kakitangan Universiti Malaysia Pahang (UMP) berhimpun meraikan sambutan Hari Kemerdekaan Ke-56 dan Kempen Kibar Jalur Gemilang peringkat universiti, di kampus Gambang, dekat sini.

Pendaftar UMP, Mustafa Ibrahim, berkata sambutan bulan kemerdekaan yang diadakan setiap tahun itu bertujuan menyemarakkan semangat patriotisme dan cintakan negara dalam kalangan warga universiti berkenaan.

"Menerusi program ini, kita dapat menghayati detik perjuangan sebagai tanda menghargai keamanan negara tercinta serta melahirkan barisan kepemimpinan warga kampus yang produktif sebagai kesinambungan kemajuan masa depan negara," katanya.

Majlis turut dimeriahkan lagi dengan kehadiran personaliti terkenal yang juga bekas atlet sukan angkat berat yang pernah mengharumkan nama Malaysia iaitu Datuk Abdul Malek Mohamed Nor atau dikenali sebagai Malek Nor.

Malek Nor yang hadir menyampaikan ceramah patriotik pada majlis itu turut meminta generasi muda sentiasa menghargai perjuangan tokoh pejuang terdahulu yang berjasa untuk memerdekakan negara.

"Sebagai rakyat yang cintakan negara, kita perlu berusaha mengekalkan kemerdekaan, keamanan dan perpaduan kaum serta bersama-sama mempertahankan negara supaya penjajahan tidak berulang," katanya.